



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **YAB PERDANA MENTERI BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA DI PROGRAM NUR RAMADAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2016/1437H**

**PUTRAJAYA, 25 Jun 2016** – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Putrajaya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Yayasan Al Bukhary, Yayasan Kesejahteraan Bandar, Yayasan Wilayah Persekutuan menganjurkan Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Putrajaya 2016/1437H di Masjid Putra, Putrajaya. YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri turut bersama-sama komuniti Putrajaya pada hari ini dalam mengimarahkan bulan Ramadan Al-Mubarak.

2. Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 merupakan kerjasama strategik pihak kementerian dan agensi dengan organisasi Korporat, NGO's dan Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat di Wilayah Persekutuan. Ianya merupakan program tahunan KWP dan Agensi dalam usaha mengeratkan silaturrahim antara pihak kerajaan dengan komuniti Wilayah Persekutuan. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memperkukuh dan memperkayakan interaksi antara pihak kementerian dan agensi dengan warga kota dalam menerapkan nilai rasa kasih sayang dan prihatin khususnya kepada golongan susah dan mereka yang kurang berkemampuan.

3. Program Nur Ramadan yang diadakan di 13 Parlimen WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tahun ini memperuntukkan sumbangan wang tunai sebanyak RM1.3125 juta meningkat berbanding pada tahun lepas sebanyak RM1.275 juta yang melibatkan 8750 orang asnaf, anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU dan mereka yang kurang berkemampuan. Masing-masing akan menerima sumbangan wang tunai RM150.00 setiap seorang semasa program Nur Ramadan di setiap parlimen. Ini merupakan inisiatif kerjasama strategik antara KWP dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui perkongsian sumbangan wang tunai kepada para asnaf dan mereka yang kurang berkemampuan. MAIWP melalui Baitumal menyumbangkan RM852,750.00 manakala KWP menyumbangkan RM459,750.00 kepada penerima di semua parlimen. Sumbangan wang tunai dari KWP juga adalah sebagai langkah prihatin kepada golongan yang memerlukan.

4. 2000 orang penerima sumbangan di Putrajaya juga turut menerima 10 kilo beras dan 2 kilo gula sumbangan Yayasan Al Bukhary serta set telekung dan sejadah dari Yayasan Kesejahteraan Bandar. Manakala, Masjid Putra pula menerima sumbangan wang tunai RM10,000.00 dari Yayasan Wilayah Persekutuan bagi tujuan menaiktaraf kemudahan dan program pembangunan ummah. Kerjasama strategik KWP dengan pihak MAIWP, Yayasan Al Bukhary, Yayasan Kesejahteraan Bandar dan Yayasan Wilayah Persekutuan bagi Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan dalam melaksanakan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

5. Adalah diharapkan melalui Program Nur Ramadan ini dapat memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada mereka untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan yang seterusnya dapat mencetuskan semangat muhibbah antara masyarakat dan melahirkan rasa bersyukur kepada Allah S.W.T terhadap nikmatNya di bulan Ramadan yang mulia ini.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan

25 Jun 2016